

**GARIS PANDUAN**

**KONVENTSYEN  
KUMPULAN KREATIF &  
INOVATIF (KIK) JKR**

**2012**



## 1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat JKR Malaysia. Garis panduan ini adalah selaras dengan Garis Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2009 bagi menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 7 tahun 1991- Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Kerja (KMK) .

## 2. OBJEKTIF

Objektif Konvensyen KIK JKR adalah untuk:

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JKR yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada kumpulan KIK membuat persembahan dan seterusnya secara langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej jabatan;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan;
- iii. Meningkatkan penyertaan semua peringkat anggota dan bahagian dalam jabatan dalam aktiviti penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan;
- iv. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan di seluruh JKR Malaysia dan agensi lain di dalam dan di luar negara amnya; dan
- v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat Cawangan/Negeri/Daerah.
- ii. Setiap Cawangan/Negeri/Daerah dibenarkan untuk mencalonkan satu (1) kumpulan dari Kategori Pengurusan dan satu (1) kumpulan dari Kategori Teknikal. Penetapan kategori ini adalah berdasarkan kriteria projek.
- iii. Kumpulan KIK yang dicalonkan mestilah merupakan Kumpulan KIK yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pengurusan JKR diperingkat masing-masing.
- iv. Projek KIK yang dikemukakan hendaklah merupakan projek yang belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana Konvensyen KIK JKR Malaysia. (Atau dikenali dengan Konvensyen KMK sebelum ini)
- v. Projek KIK mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa
- vi. Bilangan maksimum bagi setiap kumpulan adalah dihadkan kepada 10 orang sahaja termasuk ketua kumpulan
- vii. Pihak Urusetia Konvensyen KIK JKR Malaysia pada bila-bila masa berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada mana-mana syarat penyertaan tanpa perlu merujuk kepada peserta.
- viii. Pihak Urusetia berhak menerima atau menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Konvensyen oleh pihak Urusetia adalah muktamad.

#### 4. PENILAIAN PROJEK

Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek adalah seperti di **Jadual 1** dan diterangkan secara terperinci di perkara 4.1 dan 4.2.

BIL	KATEGORI PENILAIAN	TEMPOH	MARKAH	CATATAN
1.	Penilaian Melalui Dokumentasi Projek	-	60%	<b>Sebelum Konvensyen</b>
2.	Sesi Soal Jawab	10 minit		<b>Semasa Konvensyen</b>
3.	Sesi Persembahan	10 minit	30%	
4.	Sesi Demonstrasi Projek	5 minit	10%	

**Jadual 1: Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek**

##### 4.1 PENILAIAN MELALUI DOKUMENTASI PROJEK

- i. Semua teks projek kumpulan yang diterima akan diteliti dan dinilai oleh satu Panel Penilai Khas. Hanya 5 kumpulan dari setiap kategori akan disenaraipendekkan untuk menyertai Konvensyen KIK JKR Malaysia dan kumpulan yang terpilih akan dimaklumkan. Keputusan Pasukan Panel Penilai Khas Konvensyen KIK adalah muktamad.
- ii. Teks projek bagi 10 kumpulan yang terpilih menyertai Konvensyen akan dinilai oleh Panel Penilai sebelum konvensyen mengikut kriteria dan skema pemarkahan seperti di **Lampiran J1**.

## 4.2 PENILAIAN SEMASA KONVENSYEN

### a) Sesi Persembahan

- i. Semua kumpulan dikehendaki bersiap sedia 5 minit lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dalam Jadual Persembahan KIK.
- ii. Sebagai panduan, persembahan montaj (sekiranya ada) adalah dihadkan **tidak melebihi 2 minit.**
- iii. Tempoh masa persembahan projek untuk setiap kumpulan adalah selama 10 minit. Masa persembahan akan bermula selepas perkataan pertama disebutkan oleh kumpulan.
- iv. Sekiranya tiada permulaan oleh kumpulan, loceng/ buzzer permulaan akan dibunyikan setelah tamat 5 minit masa persediaan. Loceng kedua akan dibunyikan setelah cukup 8 minit; dan loceng/ buzzer penamat akan dibunyikan setelah cukup 10 minit persembahan.
- v. Penilaian akan dijalankan oleh ahli-ahli Panel. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.
- vi. Kriteria penilaian dan skema pemarkahan adalah seperti di **Lampiran J2.**

### b) Sesi Soal Jawab

Tempoh sesi soal jawab untuk setiap kumpulan adalah selama 10 minit untuk menjawab soalan-soalan daripada ahli panel penilai secara terperinci mengenai projek berdasarkan laporan yang telah dihantar.

**c) Sesi Demonstrasi Projek**

- i. Tempoh sesi demonstrasi adalah selama 5 minit untuk menerangkan fungsi dan mempromosikan hasil projek secara kreatif dan inovatif.
- ii. Kriteria penilaian dan skema pemarkahan adalah seperti di **Lampiran J2**.

**5. TATACARA PENYERTAAN**

- i. Setiap penyertaan hendaklah mengemukakan **Borang Penyertaan (Lampiran J3)** yang lengkap sebelum **15 JUN 2012** kepada:

**URUSETIA ANUGERAH JKR MALAYSIA**

Bahagian Pengurusan Kualiti,  
Cawangan Pengurusan Korporat,  
Tingkat 3, Blok F,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia,  
50582 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03 - 2610 7961/ 7972/ 7970

No. Telefax: 03 - 2611 2302

- ii. Selain daripada itu, setiap penyertaan juga perlu mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak Urusetia seperti alamat di atas **sebelum 3 SEPTEMBER 2012**:

- a) **Empat (4)** salinan dokumen berikut:

- (i) Maklumat mengenai projek (satu muka surat A4)
  - (ii) Dokumen Laporan Projek
  - (iii) Manual Operasi projek (jika melibatkan penggunaan mesin, alatan dan perisian).
  - (iv) Slaid persembahan
- b) **Satu (1) salinan** dalam bentuk elektronik perkara a(i)-a(iv)



Bahagian Pengurusan Kualiti  
Cawangan Pengurusan Korporat  
Ibu Pejabat JKR Malaysia

## KONVENTSYEN KIK JKR MALAYSIA TAHUN 2012

### Skema Pemarkahan Kriteria Penilaian Dokumentasi Projek dan Sesi Soal Jawab

**KATEGORI :**

**NAMA KUMPULAN :**

**TAJUK:**

**Skema Pemarkahan:**  
0 - 2 (Lemah)  
3 - 5 (Sederhana)  
6 - 8 (Baik)  
9 - 10 (Cemerlang)

Item	Kriteria Penilaian	(a) Wajaran	(b) Markah (Max.10)	(a)x(b) Markah Berwajaran
1	<b>Pengenalan</b>			
	a. Latar belakang jabatan, kumpulan dan pemilihan ahli kumpulan diterangkan.	1		
	b. Kumpulan menjelaskan bukti penyertaan dan perancangan projek.	2		
2	<b>Pemilihan Projek</b>			
	a. Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latar belakang dan maklumat serta data-data masa lepas	5		
	b. Projek yang dipilih memenuhi kehendak pelanggan organisasi; atau bahagian; atau unit di mana kumpulan itu berkhidmat. Ia juga menepati wawasan, matlamat, objektif atau piagam pelanggan unit/ bahagian/ organisasi.	5		
	c. Pemilihan projek dilakukan secara sistematik.	4		
3	<b>Penjelasan Projek</b>			
	a. Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan.	6		
	b. Cara penetapan objektif/sasaran projek diterangkan dengan jelas berdasarkan analisa data atau Penanda Arasan.	3		
4	<b>Analisa Projek</b>			
	a. Pendekatan secara sistematik dan bersesuaian untuk tujuan mengenalpasti dan mengesahkan sebab-sebab masalah yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	7		

	b.	Pendekatan secara sistematis dan bersesuaian untuk tujuan mengumpul data yang berkaitan dengan projek.	7		
	c.	Persemaahan data yang berkesan	5		
5	<b>Cadangan Penyelesaian</b>				
	a.	Beberapa cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif dipertimbangkan.	8		
	b.	Pendekatan secara sistematis dalam memilih cadangan penyelesaian.	7		
	c.	Pelaksanaan cadangan penyelesaian/strategi dapat dilakukan dengan berkesan dan baik dalam tempoh percubaan ( <i>dry run</i> ).	3		
6	<b>Tindakan Penyeragaman (Standardisation)</b>				
	a.	Cadangan penyelesaian telah diterima dan kaedah pemantauan yang sesuai dan sistematis untuk memastikan tindakan pembetulan yang perlu telah dijalankan sebelum tindakan penyeragaman.	3		
	b.	Tindakan susulan diambil untuk memastikan cadangan projek dikekalkan sebagai cara bekerja baru dengan pindaan atau tambahan kepada Arahan Kerja, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, <i>Standard Operating Procedures</i> .	5		
7	<b>Pencapaian Hasil Projek (Outcome)</b>				
	a.	Faedah-faedah sama ada: - Pengurangan kos operasi - Penjimatan masa - Peningkatan output/hasil kerja - Penjimatan sumber manusia	12		
	b.	Faedah-faedah lain sama ada: - Tahap kepuasan hati pelanggan - Tahap kepuasan pekerja - Imej Jabatan	8		
	b.	Sumbangan pelaksanaan cadangan penyelesaian kepada pencapaian objektif organisasi (impak)	8		

	c.	Pendekatan secara sistematik kaedah/alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai faedah-faedah diperolehi dengan kos pelaksanaan cadangan penyelesaian.	3		
8	<b>Penilaian Kumpulan</b>				
	a.	Pendekatan secara sistematik kaedah/alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai kemajuan Kumpulan dalam pengendalian aktiviti KIK.	2		
	b.	Kumpulan mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.	2		
	c.	Pembelajaran-pembelajaran yang diperolehi oleh Kumpulan.	2		
	<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>		

Nama Panel Penilai : .....

5. Punca-punca utama masalah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Cadangan penyelesaian : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Faedah projek :
- i. Pengurusan kos operasi: \_\_\_\_\_
  - ii. Penjimatatan masa: \_\_\_\_\_
  - iii. Peningkatan hasil kerja: \_\_\_\_\_
  - iv. Peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan: \_\_\_\_\_
  - v. Faedah-faedah lain: \_\_\_\_\_
8. Sumbangan projek kepada objektif kerajaan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Tempoh pelaksanaan projek: \_\_\_\_\_

Nota : \*\* - Potong mana yang tidak berkenaan

### **PERAKUAN IDEA TULEN**

Kumpulan kami mengaku bahawa projek KIK ini adalah idea tulen hasil usaha ahli kumpulan dan tidak diciplak dari mana-mana sumber. Projek ini juga belum pernah dipertandingkan di mana-mana konvensyen KIK JKR Malaysia (atau dikenali sebagai Konvensyen KMK) sebelum ini.

.....  
Tandatangan Ketua Kumpulan

.....  
Tarikh

Disahkan oleh:

.....  
Tandatangan Ketua Jabatan

.....  
Tarikh

Borang permohonan ini hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Urusetia Anugerah JKR Malaysia**

Bahagian Pengurusan Kualiti  
Cawangan Pengurusan Korporat,  
Tingkat 3, Blok F,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia,  
50582 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-2610 7961/7972/7970  
No. fax: 03-2611 2302



Bahagian Pengurusan Kualiti  
Cawangan Pengurusan Korporat  
Ibu Pejabat JKR Malaysia

# KONVENTSYEN KIK JKR MALAYSIA TAHUN 2012

## Skema Pemarkahan Kriteria Semasa Konvensyen

**KATEGORI :**

**NAMA KUMPULAN :**

**TAJUK:**

**Skema Pemarkahan:**

- 0 - 2 (Lemah)
- 3 - 5 (Sederhana)
- 6 - 8 (Baik)
- 9 - 10 (Cemerlang)

## **SESI PERSEMBAHAN PROJEK**

Item	Kriteria Penilaian		(a) Wajaran	(b) Markah (Max.10)	(a)x(b) Markah Berwajaran
1	<b>Pengenalan</b>				
	a.	<i>Introduction</i>	5		
	b.	Latar belakang projek	5		
2	<b>Analisis Projek</b>				
	a.	Kaedah analisis	5		
	b.	Kesinambungan idea	5		
3	<b>Cadangan Penyelesaian</b>				
	a.	Kreativiti	5		
	b.	Ketulenan ( <i>Originality</i> )	5		
4	<b>Outcome &amp; Impak</b>				
	a.	Outcome	10		
	b.	Impak	10		
5	<b>Kreativiti Penyampaian</b>		40		
			JUMLAH	100	



Bahagian Pengurusan Kualiti  
Cawangan Pengurusan Korporat  
Ibu Pejabat JKR Malaysia

## KONVENTSYEN KIK JKR MALAYSIA TAHUN 2012

### Skema Pemarkahan Kriteria Semasa Konvensyen

**KATEGORI :**

**NAMA KUMPULAN :**

**TAJUK:**

Skema Pemarkahan:  
0 - 2 (Lemah)  
3 - 5 (Sederhana)  
6 - 8 (Baik)  
9 - 10 (Cemerlang)

### *SESI DEMONSTRASI ROJEK*

Item	Kriteria Penilaian	Markah (Max.10)	Markah Diperolehi
1	Menerangkan fungsi dan mempromosikan hasil projek <i>- Jelas dan mudah difahami, tersusun dan kreatif</i>	10	
	JUMLAH	10	

Nama Panel Penilai : .....